BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN No : 03/09/50 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Isnin, 29 September 2003**


Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Ogos 2003

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada bulan Ogos

Ketiga-tiga agregat monetari terus meningkat pada bulan Ogos sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi. Pada kadar tahunan, M1 dan M2 masing-masing meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 12.7% dan 9.1% pada akhir bulan Ogos (10.6% dan 8.6% pada akhir bulan Julai), manakala pertumbuhan tahunan bekalan wang secara luas, M3 kekal tinggi pada tahap 8.5% (8.7% pada akhir bulan Julai).

Permintaan untuk pembiayaan dan aktiviti berian pinjaman bank terus mengukuh pada bulan Ogos. Permohonan pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.9%, kelulusan pinjaman sebanyak 7.9% dan pengeluaran pinjaman sebanyak 13%. Perkembangan yang nyata adalah pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman yang diluluskan kepada sektor perniagaan sebanyak 10%, sementara kelulusan pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak 7.5%. Dengan pengeluaran pinjaman yang tinggi, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 4.8% pada akhir bulan Ogos. Termasuk pelaburan dalam sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan, jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.1%.

Berian pinjaman kepada PKS terus mengukuh pada bulan Ogos. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 6.3% pada akhir bulan Ogos (5.5% pada akhir bulan Julai). Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS meningkat, masing-masing berjumlah RM4.7 bilion, RM2.2 bilion dan RM7.3 bilion (RM3.8 bilion, RM2 bilion dan RM7.2 bilion pada bulan Julai).



Berian pinjaman kepada PKS terus mengukuh

Bank Negara Malaysia
29 September 2003

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN No : 03/09/50 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Isnin, 29 September 2003**

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
OGOS 2003

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada bulan Ogos

Ketiga-tiga agregat monetari terus meningkat pada bulan Ogos sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi. Pada kadar tahunan, M1 dan M2 masing-masing meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 12.7% dan 9.1% pada akhir bulan Ogos (10.6% dan 8.6% pada akhir bulan Julai), manakala pertumbuhan tahunan bekalan wang secara luas, M3 kekal tinggi pada tahap 8.5% (8.7% pada akhir bulan Julai).


Permintaan untuk pembiayaan dan aktiviti berian pinjaman bank terus mengukuh pada bulan Ogos. Permohonan pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.9%, kelulusan pinjaman sebanyak 7.9% dan pengeluaran pinjaman sebanyak 13%. Perkembangan yang nyata adalah pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman yang diluluskan kepada sektor perniagaan sebanyak 10%, sementara kelulusan pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak 7.5%. Dengan pengeluaran pinjaman yang tinggi, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 4.8% pada akhir bulan Ogos. Termasuk pelaburan dalam sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan, jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.1%.

Berian pinjaman kepada PKS terus mengukuh pada bulan Ogos. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 6.3% pada akhir bulan Ogos (5.5% pada akhir bulan Julai). Permohonan,


kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS meningkat, masing-masing berjumlah RM4.7 bilion, RM2.2 bilion dan RM7.3 bilion (RM3.8 bilion, RM2 bilion dan RM7.2 bilion pada bulan Julai).

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Di pasaran antara bank, kadar pasaran wang kekal stabil dengan operasi pasaran wang BNM disasarkan untuk mengimbangi kesan ke atas keadaan mudah tunai berpunca daripada operasi luar negara dan pengeluaran deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank daripada BNM.




Pada bulan Ogos, kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil



BNM telah menyerap lebihan mudah tunai daripada pasaran untuk menstabilkan keadaan mudah tunai serta mengekalkan kadar faedah pada tahap semasa


Keadaan Mudah Tunai



Keadaan mudah tunai sistem perbankan terus menyokong aktiviti pembiayaan. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan, kekal tinggi pada 94.2%

Keadaan persaingan dalam pemberian pinjaman telah menyebabkan **kadar purata pinjaman (ALR)** terus menurun pada bulan Ogos sebanyak 3 mata asas kepada 6.19% bagi bank perdagangan dan 4 mata asas kepada 9.18% bagi syarikat kewangan. Sejak kadar berian pinjaman asas (BLR) diturunkan pada bulan Mei 2003, penurunan kumulatif ke atas ALR adalah sebanyak 32 mata asas bagi bank perdagangan dan 29 mata asas bagi syarikat kewangan.


Kadar Faedah Berian Pinjaman:
Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata pada bulan)



BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah sementara ALR bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun.

Pada 15 September, kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil masing-masing pada kadar 3 - 3.70% dan 3 - 3.68%.


Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 03	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
Ogos 03	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
15 Sep 03	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70

Kadar deposit tetap kekal tidak berubah


Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 03	3.00	3.00	3.02	3.06	3.68
Ogos 03	3.00	3.00	3.02	3.07	3.68
15 Sep 03	3.00	3.00	3.02	3.07	3.68

...begitu juga dengan syarikat kewangan.


Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar faedah benar bagi deposit tetap 3-bulan kekal tidak berubah

Prestasi ringgit


Pada bulan Ogos, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit meningkat berbanding paun sterling sebanyak 2.5% dan euro sebanyak 4.3%, manakala menyusut nilai berbanding yen Jepun sebanyak 2.5%. Dolar AS menjadi kukuh berikutan sikap optimis pasaran terhadap prospek pemulihan ekonomi AS yang bertambah cerah. Sebaliknya, euro dibelenggu oleh penguncupan ekonomi pada suku kedua di beberapa negara utama zon euro. Yen Jepun disokong oleh keyakinan pasaran terhadap prospek ekonomi Jepun yang bertambah baik berikutan pertumbuhan ekonomi yang melebihi jangkaan pada suku tahun kedua.



Ringgit meningkat nilai berbanding paun sterling dan euro pada bulan Ogos.

Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit menyusut nilai berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.2% – 1.9%, sementara meningkat nilai berbanding peso Filipina sebanyak 0.4% dan rupiah Indonesia sebanyak 0.5%. Mata wang serantau secara amnya mendapat manfaat daripada jangkaan pasaran mengenai pemulihan pertumbuhan ekonomi global, kemasukan dana portfolio dan yen Jepun yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, peso Filipina menyusut nilai ekoran kebimbangan keselamatan dan permintaan dolar dari pengimport minyak dan sektor korporat.

.



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 26 September 2003**, ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama. Nilai ringgit menyusut berbanding yen Jepun sebanyak 4.4%, paun sterling sebanyak 4.8% dan euro sebanyak 5.3%. Dolar AS menyusut nilai selepas pasaran mengambil kira pertumbuhan pekerjaan yang lemah, defisit perdagangan AS yang besar dan sentimen pengguna yang lebih lemah pada bulan September. Kelemahan dolar AS juga mencerminkan reaksi pasaran yang ketara terhadap kenyataan Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat Negara-

negara G-7 pada 20 September yang menyarankan bahawa kadar pertukaran mata wang asing yang fleksibel adalah perlu untuk memudahkan penyelarasan akaun semasa dan pertumbuhan ekonomi global yang lebih seimbang. Yen Jepun meningkat nilai disebabkan oleh prestasi pasaran saham yang kukuh dan kepercayaan pasaran bahawa negara Jepun akan mengurangkan campurtangan di pasaran mata wang asing antarabangsa untuk melemahkan nilai yen. Nilai ringgit menyusut berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 1.1% - 2.6%, sementara meningkat nilai berbanding peso Filipina sebanyak 0.2%.


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Ogos 2003	26 September 2003	% Perubahan			
				Ogos 2003	Akhir Ogos - 26 Sep. 2003	Akhir-2002 - 26 Sep. 2003	2 Sep. 1998 - 26 Sep. 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.1323	4.3618	4.3	-5.3	-8.7	-
Paun sterling	6.3708	5.9932	6.2981	2.5	-4.8	-3.3	1.2
100 yen Jepun	2.7742	3.2438	3.3942	-2.5	-4.4	-5.7	-18.3
Dolar Singapura	2.1998	2.1627	2.1949	-0.2	-1.5	-0.3	0.2
100 baht Thai	9.3713	9.2267	9.4728	-1.9	-2.6	-7.0	-1.1
100 peso Filipina	8.8302	6.9135	6.8978	0.4	0.2	3.6	28.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0445	0.0450	0.4	-1.1	-5.6	-21.3
100 won Korea	0.2827	0.3224	0.3302	-0.2	-2.4	-3.2	-14.4

Inflasi stabil pada bulan Ogos

Kadar **inflasi** tahunan, yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), **stabil pada kadar 1%** pada bulan Ogos (Julai: 1%). Harga kebanyakkan barangan kekal stabil.


Indeks Harga Pengguna



Inflasi kekal stabil pada bulan Ogos

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) juga stabil pada bulan Julai pada kadar 2.9% (2.8% pada bulan Jun). Peningkatan kukuh dalam harga minyak kelapa sawit diimbangi oleh kenaikan harga getah dan minyak mentah yang lebih perlahan. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 1%.

Indeks Harga Pengeluar



Harga pengeluar, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi meningkat sebanyak 1%

Bekalan wang terus meningkat

Ketiga-tiga agregat monetari terus meningkat pada bulan Ogos sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti ekonomi. Pada kadar tahunan, M1 dan M2 masing-masing meningkat sebanyak 12.7% dan 9.1% pada akhir bulan Ogos (10.6% dan 8.6% pada akhir bulan Julai) manakala pertumbuhan tahunan bekalan wang secara luas, M3 kekal tinggi pada tahap 8.5% pada akhir bulan Ogos (8.7% pada akhir bulan Julai).

Pertumbuhan M1 yang berterusan mencerminkan perbelanjaan pengguna dan aktiviti perusahaan perniagaan yang semakin kukuh. Peningkatan M3 (RM3.1 bilion atau 0.6%) pada bulan ini mencerminkan aktiviti pembiayaan bank yang lebih tinggi (RM3 bilion). Operasi luar bersih turut mengembang berikutan peningkatan dalam rizab antarabangsa BNM (RM1.8 bilion).

Agregat monetari



Pertumbuhan bekalan wang lebih tinggi

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2003			
	Jun	Jul	Ogos	Jan - Ogos
M3	0.2	4.2	3.1	28.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.7	-1.1	-1.9	6.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	7.5	5.4	3.0	24.4
Operasi luar bersih [1]	-2.2	3.8	1.4	3.4
Pengaruh lain	-3.3	-4.0	0.6	-5.8

1/ sebelum penilaian semula

Pinjaman bank yang kukuh merupakan punca utama pertumbuhan M3

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Ogos

Jumlah **deposit** yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM3.8 bilion atau 0.7% pada bulan Ogos. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh individu dan institusi kewangan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 8.3% pada akhir Ogos.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Jun	**Julai**	**Ogos**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	140	977	-833
Kerajaan Negeri	78	-299	295
Badan Berkanun[1/]	622	-405	484
Institusi Kewangan	-534	2,442	1,815
Perusahaan Perniagaan	779	-234	-271
Individu	1,434	1,467	2,107
Lain-lain[2/]	375	-1,174	163
Jumlah	**2,893**	**2,774**	**3,760**

[1/] Termasuk Kerajaan tempatan.

[2/] Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing.

Deposit yang lebih tinggi oleh individu dan institusi kewangan.....


Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Jun	**Julai**	**Ogos**
Jenis			
Deposit tetap	2,839	956	390
NID	-409	-17	542
Deposit permintaan	2,033	354	1,957
Deposit tabungan	674	685	395
Perjanjian beli balik *(Repo)*	-3,899	-211	912
Deposit mata wang asing	-317	634	269
Deposit SPI	1,641	320	-936
Lain-lain	333	54	231
Jumlah	**2,893**	**2,774**	**3,760**

...terutamanya dalam deposit permintaan

Aktiviti berian pinjaman bank terus meningkat

Selaras dengan aktiviti ekonomi yang lebih kukuh, semua penunjuk pinjaman bertambah kukuh. Secara agregat, jumlah pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan dana yang diperolehi daripada pasaran modal meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10% kepada RM39.2 bilion. Pinjaman terkumpul sektor perbankan serta pelaburan institusi perbankan dalam sekuriti hutang swasta meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.1%. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan kekal tinggi pada 94.2% pada akhir bulan Ogos.




Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10%

Pengeluaran pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 13% kepada RM37.4 bilion pada bulan Ogos (RM40.6 bilion pada bulan Julai). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan mencakup sebanyak 67.3% daripada jumlah pengeluaran pinjaman, terutamanya untuk membiayai aktiviti perkilangan (24.5%); sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (15.3%); perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (7.1%); dan pembinaan (6.4%). Pengeluaran kepada sektor isi rumah juga kekal kukuh, mencakup sebanyak 27.3% daripada jumlah pengeluaran pinjaman (untuk pembelian rumah kediaman: 8.8%; kereta penumpang: 6.1%; urus niaga kad kredit: 7%; dan kredit penggunaan: 4%).


Dengan pengeluaran pinjaman yang tinggi, pinjaman terkumpul meningkat lagi sebanyak 4.8% pada asas tahunan atau sebanyak RM3.2 bilion pada bulan Ogos (4.5% atau +RM3.2 bilion pada bulan Julai). Pinjaman terkumpul yang lebih tinggi dicatatkan oleh sektor isi rumah dan perniagaan (masing-masing sebanyak RM2.9 bilion dan RM0.4 bilion).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)




Berian pinjaman bank kekal tinggi

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman yang telah Dinyahmusim (RM bilion)



Data yang dinyahmusim menunjukkan permintaan asas bagi pinjaman mengukuh


Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman kekal secara meluas

Berian pinjaman kepada PKS terus mengukuh pada bulan Ogos. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS meningkat masing-masing kepada RM4.7 bilion, RM2.2 bilion dan RM7.3 bilion (RM3.8 bilion, RM2 bilion and RM7.2 bilion pada bulan Julai). Pinjaman terkumpul PKS juga meningkat lagi sebanyak RM414 juta (+RM480 juta pada bulan Julai), membawa peningkatan terkumpul pinjaman kepada RM4.3 bilion pada lapan bulan pertama. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM16.6 bilion telah diluluskan kepada 51,763 PKS, sementara RM54.7 bilion telah dikeluarkan. Pada asas tahunan, pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 6.3% pada akhir bulan Ogos (5.5% pada akhir bulan Julai) dan mencakup sebanyak 15.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 31.3% daripada pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan (masing-masing sebanyak 15.2% dan 29.6% pada akhir tahun 2002).

Pinjaman Terkumpul Perusahaan Kecil dan Sederhana




Berian pinjaman kepada PKS terus mengukuh

Permintaan untuk dana kekal kukuh, konsisten dengan aktiviti ekonomi yang mengukuh. Penunjuk-penunjuk menyokong permintaan pinjaman yang kekal tinggi. Permohonan pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.9%. Kelulusan pinjaman juga kekal tinggi, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.9%. Perkembangan yang nyata adalah pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman yang diluluskan kepada sektor perniagaan sebanyak 10%, sementara kelulusan kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak 7.5%.

Dana kasar yang diperolehi di pasaran modal oleh sektor swasta kekal tinggi


Jumlah dana kasar yang diperoleh oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan hutang berjumlah RM3.1 bilion pada bulan Ogos. Terdapat lapan penyenaraian baru di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) oleh syarikat-syarikat daripada sektor barangan industri dan pengguna, perkhidmatan perdagangan, pembinaan dan teknologi. Walau bagaimanapun, memandangkan jumlah penebusan yang tinggi (RM1.7 bilion), dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta pada bulan tersebut

adalah lebih rendah sebanyak RM1.4 bilion. Kerajaan tidak menerbitkan SKM pada bulan ini.



Dana daripada pasaran modal diperoleh terutamanya oleh sektor swasta

Prestasi **Bursa Saham Kuala Lumpur** kekal memberangsangkan pada bulan Ogos dengan keyakinan pasaran disokong oleh perkembangan positif sektor korporat serta jangkaan prestasi yang lebih baik bagi pasaran saham global. Pada akhir bulan Ogos, Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) ditutup pada 743.30 mata (+3.2% sejak akhir bulan Julai), dengan modal pasaran sebanyak RM579.54 billion (+3% sejak akhir bulan Julai). Purata urus niaga harian kekal tinggi sebanyak 639.17 juta unit pada bulan ini (711.26 juta unit pada bulan Julai).




Prestasi IK BSKL terus meningkat pada bulan Ogos

Pada 26 September, IK BSKL ditutup pada 742.22 mata (-0.1% sejak akhir bulan Ogos) dengan modal pasaran sebanyak RM579.87 bilion (-0.1% sejak akhir bulan Ogos). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 571.69 juta unit.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Corak peningkatan rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia terus berkekalan pada bulan Ogos dan awal September. Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM150.4 bilion atau AS$39.6 bilion pada 15 September 2003, daripada RM146.9 bilion atau AS$38.7 bilion pada 30 Ogos 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih tinggi dan aliran masuk pelaburan portfolio. Aliran keluar mencerminkan pembayaran import barangan dan perkhidmatan, penghantaran pulang dividen dan pembayaran balik hutang luar negara. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 6.2 bulan import tertangguh dan adalah 4.3 kali hutang luar negara jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih
(pada akhir tempoh)




Paras NPL bertambah baik


Nisbah pinjaman tidak berbayar berdasarkan klasifikasi enam bulan menurun sebanyak RM0.7 bilion berikutan penstrukturan semula hutang yang berterusan oleh institusi perbankan. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi enam dan tiga bulan masing-masing menurun ke tahap 6.5% dan 9.1%. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing mengukuh ke tahap 13.5% dan 11% berikutan kemasukan keuntungan ke dalam modal asas dan usaha peningkatan modal oleh beberapa institusi perbankan.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*								
	1998	1999	2000	2001	2002	2003		
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Jun	Jul.	Ogos
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	11.0	10.8	11.0
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.4	13.3	13.5
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.7	6.5
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	29,565	29,758	29,039
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan,%)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



....Nisbah NPL bersih menurun kepada 6.5%



.... RWCR meningkat kepada 13.5%

Bank Negara Malaysia
29 September 2003

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Julai 2003		Ogos 2003	
	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	43.8	7.9	44.7	10.2
M1	91.1	10.6	93.8	12.7
M2	402.7	8.6	407.3	9.1
M3	526.6	8.7	529.7	8.5
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	528.8	8.3	532.6	8.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	505.1	4.5	508.4	4.8
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	443.5	5.2	447.6	5.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)	83.9		84.0	
Nisbah pinjaman-deposit termasuk hutang sekuriti swasta (%)	94.2		94.2	
Pinjaman yang dipohon pada bulan berkenaan	22.7	14.4	21.5	14.9
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	14.4	25.0	12.5	7.9
Pinjaman yang dikeluarkan pada bulan berkenaan	40.6	19.6	37.4	13.0
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	38.0	4.9	34.9	7.5
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.3		13.5	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.7		6.5	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	145.2		146.9	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	38.2		38.7	
Bilangan bulan import tertangguh	5.9		6.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.88[2.87]		2.90[2.89]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
3-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00[6.00]		6.00[6.00]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.4	1.0	104.3	1.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	135.7	2.9		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.3083		4.1323	
Paun Sterling	6.1414		5.9932	
Dolar Singapura	2.1594		2.1627	
100 Yen Jepun	3.1634		3.2438	
100 Baht Thai	9.0487		9.2267	
100 Peso Filipina	6.9387		6.9135	
100 Rupiah Indonesia	0.0447		0.0445	
100 Won Korea	0.3219		0.3224	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	2.3		...	
sektor swasta (RM bilion)	2.1		1.4	
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	720.56		743.30	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	562.74		579.54	